

MEMPERKASA KANDUNGAN BUKU TEKS SEJARAH SEKOLAH RENDAH: PERSPEKTIF DAN CADANGAN

[STRENGTHENING THE CONTENT OF PRIMARY SCHOOL HISTORY TEXTBOOKS: PERSPECTIVES AND RECOMMENDATIONS]

CAMELIA ASYIKIN MOHD KHAIRY HENARY^{1*} & ANUAR AHMAD¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Correspondent Email: anuarmd@ukm.edu.my

Received: 24 September 2024

Accepted: 26 October 2024

Published: 17 Disember 2025

Abstrak: Pengajaran subjek Sejarah di sekolah rendah berperanan penting dalam membentuk pemahaman murid terhadap perkembangan sosial, politik dan ekonomi negara serta menanamkan nilai patriotik dan kesedaran sejarah. Sejak pengenalan semula mata pelajaran Sejarah pada tahun 2014, buku teks digubal sebagai sumber rujukan utama bagi guru dan murid bagi membolehkan penyampaian fakta dan maklumat secara sistematik serta membimbing murid menganalisis peristiwa sejarah. Walaupun buku teks berperanan penting, pelbagai cabaran telah dikenalpasti oleh segelintir guru seperti kandungan yang padat, fakta yang tidak tepat atau berat sebelah serta kesukaran menterjemahkan intipati buku teks kepada murid. Isu ini berpotensi menjejaskan pemahaman murid terhadap sejarah sebenar dan keberkesanan buku teks sebagai medium pendidikan yang holistik. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan menilai kelebihan dan kelemahan buku teks Sejarah, meneliti kepentingannya dalam pembelajaran murid serta mencadangkan penambahbaikan agar buku teks lebih berkesan, menarik dan berpaksikan nilai pedagogi serta fakta sejarah yang tepat dan seterusnya menyokong pembangunan pemikiran kritis dan semangat patriotik dalam kalangan murid di Malaysia.

Kata Kunci: Buku teks, Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah, Guru, Murid.

Abstract: Teaching History in primary schools plays an important role in shaping students' understanding of the country's social, political and economic development as well as instilling patriotic values and historical awareness. Since the reintroduction of the History subject in 2014, textbooks have been formulated as the main reference source for teachers and students to enable the systematic presentation of facts and information and guide students in analyzing historical events. Although textbooks play an important role, various challenges have been identified by a few teachers such as dense content, inaccurate or biased facts and difficulty in translating the essence of the textbook to students. This issue has the potential to affect students' understanding of real history and the effectiveness of textbooks as a holistic educational medium. Therefore, this concept paper aims to assess the strengths and weaknesses of History textbooks, examine their importance in student learning and suggest improvements so that textbooks are more effective, attractive and centered on pedagogical values and accurate historical facts and thus support the development of critical thinking and patriotic spirit among students in Malaysia.

Keywords: Textbooks, History Teaching and Learning, Teachers, Students.

Cite This Article:

Camelia Asyikin Mohd Khairy Henary & Anuar Ahmad. (2025). Memperkasa Kandungan Buku Teks Sejarah Sekolah Rendah: Perspektif Dan Cadangan [Strengthening The Content Of Primary School History Textbooks: Perspectives And Recommendations]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(3): 164-175.

PENGENALAN

Negara merupakan sebuah negara unik kerana sifatnya yang memiliki kepelbagaian etnik dan budaya. Keunikan yang terdapat di Malaysia dapat dipelajari dan dihargai menerusi kurikulum Sejarah yang diajar di sekolah bagi meningkatkan penguasaan murid berkaitan sosial, budaya serta politik dalam membentuk dunia di samping mengembangkan pemikiran yang kritis dan analitik (Nur Syahida, Siti Noranizahhafizah & Nooraziela, 2023). Matlamat utama kurikulum pendidikan Sejarah ialah murid mampu memahami tingkah laku manusia, sebab dan akibat, keunikan sejarah tanah air dan kegemilangan negara bagi melahirkan warganegara yang patriotik dan menjunjung amalan demokrasi di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Hal ini kerana apabila murid mempunyai jiwa yang cintakan tanah air, maka mereka akan melindungi dan menjaga negara ini dengan sepenuh hati mereka agar peristiwa terdahulu tidak berulang untuk kali yang kedua. Malah, kurikulum Sejarah mempunyai perkaitan rapat dengan penyatuan etnik yang berbilang bangsa di Malaysia kerana dijadikan set rujukan berkaitan peristiwa negara (Mansor & Khairul Ghufuran, 2015).

Umum mengetahui bahawa subjek Sejarah mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam proses untuk menjadi warganegara yang lebih berjiwa patriotik dan berwibawa tinggi. Menyedari tentang kepentingan berkenaan, maka subjek Sejarah merupakan antara mata pelajaran yang penting untuk dipelajari sejak di bangku sekolah sehingga ke peringkat universiti. Hal ini terbukti apabila Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan bahawa subjek Sejarah sebagai salah satu subjek yang wajib lulus sewaktu murid di sekolah menengah iaitu bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru itu, untuk mencapai skor dan markah yang cemerlang dalam subjek Sejarah, penggunaan buku teks merupakan salah satu langkah yang proaktif dalam usaha untuk memahami murid tentang peristiwa Sejarah yang berlaku di negara kita. Buku teks merupakan bahan rujukan penting dalam dunia pendidikan (Lau Yi Yi et al., 2023). Malah, buku teks yang wujud merupakan hasil gubalan pakar-pakar yang bidang pendidikan (Sjahrany et al., 2017). Walaupun pada hakikatnya abad ke-21 ini lebih ke arah kemodenan yang berteknologi tinggi, namun buku teks masih relevan untuk dijadikan rujukan yang berterusan. Oleh yang demikian, guru merupakan agen penting dalam menggunakan buku teks Sejarah secara proaktif dan berkesan terhadap murid di bilik darjah.

PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian murid dalam subjek Sejarah bergantung kepada penerapan pedagogi yang berkesan, memandangkan disiplin ini merangkumi pelbagai aspek penting seperti sosial, ekonomi dan politik sama ada dalam konteks tempatan mahupun antarabangsa. Penerapan pedagogi yang baik bukan sahaja melibatkan pengajaran konsep dan fakta tetapi juga pembangunan kemahiran analisis, penilaian sumber dan kefahaman kritikal terhadap peristiwa sejarah. Bagi menjamin

pendidikan yang setara dan seragam, buku teks dijadikan rujukan utama dalam pengajaran Sejarah kerana ia menyediakan garis panduan dan maklumat yang sistematik kepada guru dan pelajar. Namun, isu berkaitan kandungan buku teks sering timbul di Malaysia, di mana teks tersebut dilaporkan mengandungi fakta yang padat, terlalu banyak perkataan serta wujud ketidaktepatan atau kecenderungan berat sebelah dalam penyampaian maklumat sejarah yang akhirnya berpotensi menjejaskan pemahaman murid terhadap konteks sebenar peristiwa sejarah.

Isu ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan sesetengah pihak, termasuk Sekretariat Gabungan NGO Tolak Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat (BST4) (2021), memandangkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum mengambil langkah menarik balik buku teks berkenaan walaupun terdapat pelbagai fakta sejarah penting yang didakwa telah diselewengkan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi impak negatif kepada pengetahuan murid, kerana kandungan buku teks yang kurang menarik menyebabkan mereka beranggapan bahawa subjek Sejarah membosankan dan kurang relevan. Kesannya dapat dilihat melalui Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021, di mana seramai 45,526 calon gagal memperoleh sijil ekoran kegagalan dalam subjek Bahasa Melayu dan Sejarah (Buletin TV3, 2022). Situasi ini sekaligus membebankan pelbagai pihak dan mendorong perselisihan serta campur tangan daripada pihak-pihak berkepentingan untuk menangani isu tersebut. Sehubungan itu, bagi menangani isu ini, pihak yang berkepentingan, khususnya KPM, perlu menilai secara menyeluruh kelemahan dan kekuatan buku teks Sejarah serta mencadangkan penambahbaikan yang sesuai, tanpa mengabaikan kepentingan kandungan buku teks terhadap pembelajaran murid di sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Umumnya, kertas konsep ini akan membincangkan dengan lebih mendalam tentang kandungan buku teks Sejarah yang sedang hangat diperbincangkan bagi tujuan mengetahui perspektif dan cadangan yang bermutu bagi menyelesaikan isu ini. Oleh itu, secara khususnya objektif kertas konsep ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan kandungan buku teks Sejarah sebagai rujukan utama kepada murid dan guru dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
2. Menganalisis kepentingan kandungan buku teks yang relevan, seimbang dan inklusif dalam membentuk pemahaman Sejarah dalam kalangan murid sekolah.
3. Mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap kandungan buku teks Sejarah agar lebih menarik dan berpaksikan nilai.

RASIONAL KAJIAN

Bagi subjek Sejarah yang semestinya penting dalam pembinaan watak nusa dan bangsa, masih terdapat segelintir murid yang beranggapan bahawa subjek Sejarah adalah membosankan kerana padat dengan info serta fakta yang berterusan dalam setiap peristiwa yang terjadi. Malah menurut Ratmelia (2018), mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai bidang yang tidak

mempunyai kepentingan dalam sistem pendidikan. Pemikiran negatif seperti ini akan terus membelenggu dalam minda murid dan akhirnya akan menjadi barah yang berleluasa apabila mereka berada di alam dewasa kelak. Bagi mengurangkan komen-komen negatif berkenaan, antara salah satu cara untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran Sejarah adalah dengan memberi pemahaman yang betul dan menarik menerusi buku teks. Namun, sebaliknya berlaku apabila dilaporkan tajuk yang digunakan di dalam buku teks Sejarah Malaysia adalah kurang lancar, berulang-ulang dan juga terhad (Fernando, 2017). Hal ini seterusnya menyukarkan guru-guru Sejarah untuk terus memberi komitmen yang tinggi dalam penyampaian info kepada murid berdasarkan rujukan penting tersebut. Oleh itu, bagi menghasilkan buku teks yang berkualiti tinggi adalah dengan susunan tajuk dan kandungan yang teratur serta sistematik dan mempunyai input atau grafik yang banyak bagi menarik minat sama ada tenaga pengajar ataupun murid di bilik darjah. Hal ini kerana kandungan yang terdapat di dalam buku teks bukanlah suatu perkara yang boleh ditulis dan direka sesuka hati kerana kita sedia maklum mata pelajaran Sejarah sangat berkait rapat dengan perkara fakta yang pernah berlaku pada masa lampau. Menyedari tentang isu ini, kajian ini akan melihat secara terperinci mengenai sudut pandangan guru-guru Sejarah terhadap kandungan buku teks Sejarah sekolah rendah yang digunakan sebagai salah satu Bahan Bantu Mengajar (BBM) sewaktu proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berlangsung. Oleh itu, pada akhir penulisan kajian ini, kita akan dapat menilai perkaitan yang berlaku di antara stigma ‘sejarah adalah bosan’ dengan isi kandungan buku teks Sejarah sekolah rendah.

SOROTAN LITERATUR

Stigma yang mengatakan Sejarah itu bosan’ sering menjadi perbualan dan isu hangat khususnya di kalangan golongan pendidik yang mengajar subjek Sejarah di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ramai yang mengatakan bahawa buku teks Sejarah haruslah ditambahbaik dari sudut fakta, tajuk dan isi yang terkandung. Hal ini kerana sekiranya isu ini dipandang enteng, maka penyampaian maklumat fakta oleh guru kepada murid sudah menjadi suatu kesalahan yang besar. Malah, fokus utama Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi subjek Sejarah adalah untuk menyemai ilmu pengetahuan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Jadi, sekiranya cara pengetahuan murid diukur menerusi buku teks sudah salah diertikan bagaimana mungkin murid memperoleh ilmu yang tepat dan benar? Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian-kajian lepas yang mana isi kandungan buku teks ini tidak dapat disangkal lagi.

Dapatan kajian oleh Najwa Abdul Aziz et al., (2024) menghuraikan bahawa kesemua 10 orang responden kajian menjadikan buku teks Sejarah sebagai sumber rujukan sewaktu proses PdP di bilik darjah. Hal ini termasuklah seperti nota ringkas yang dipetik daripada buku teks dan latihan sendiri yang merujuk kepada buku teks. Malah, terdapat responden kajian yang mengatakan buku teks Sejarah mencatatkan maklumat yang terperinci dan boleh membantu mereka untuk memahami sesuatu peristiwa Sejarah dengan baik. Hal ini terjadi apabila responden akan merujuk buku teks terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu topik untuk diajarkan kepada murid di bilik darjah. Walaubagaimana pun, dari sudut pandangan responden kajian mengenai isi kandungan buku teks Sejarah, rata-rata antara mereka menyuarakan silibus

yang padat dan membosankan kerana murid tidak suka untuk membacanya (Handy, 2023). Antara jawapan yang diberikan ialah 'Buku teks Sejarah mempunyai aras yang tinggi' dan 'Dipenuhi dengan kepadatan fakta Sejarah dan mempunyai banyak topik'. Secara ringkasnya, kajian ini telah menghuraikan bahawa wujud pendapat yang berbeza berkaitan dengan isi kandungan Sejarah.

Seterusnya, kajian Sivakumar Ramachindran & Mohd Mahzan Awang (2023) telah mengetengahkan persepsi 132 orang murid terhadap kandungan dan penggunaan buku teks Sejarah sekolah menengah dalam penerapan amalan nilai patriotisme. Responden yang terlibat memberikan persepsi yang cukup baik terhadap maklumat di dalam buku teks Sejarah sama ada dari segi latihan, nota dan digunakan sebagai bahan rujukan tambahan. Malah, dikatakan lagi bahawa maklumat sensitif yang terkandung di dalam buku teks Sejarah telah ditapis. Namun begitu, dapatan kajian dalam mengenalpasti keberkesanan buku teks dalam memupuk nilai patriotisme adalah sederhana positif di mana responden kurang peka terhadap masalah dan isu yang berkait rapat dengan bangsa dan negara. Misalnya untuk skop 'Saya berganding bahu dengan kerajaan membangunkan negara memperoleh min dan sisihan piawai yang paling sedikit iaitu 3.39 dan 1.00. Ini menjadikan bahawa murid memerlukan kesedaran yang tinggi bagaimana untuk melindungi negara dari ancaman luar. Seajar dengan itu, keseluruhan dapatan kajian adalah berada pada tahap yang positif dan memuaskan dan buku teks ternyata dapat membantu murid untuk mendalami semangat kekitaan menjadi rakyat Malaysia.

Melihat dari sudut yang berbeza, satu kajian mengenai kekerapan penggunaan buku teks Bahasa Melayu KSSM telah diolah oleh Marmi Mariana & Dahlia (2022) yang menjelaskan bahawa penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid berada pada tahap yang memuaskan. Hanya 10 peratus sahaja responden yang tidak pernah menggunakan buku teks Bahasa Melayu sebagai rujukan pembelajaran mereka. Pada masa yang sama, responden yang terdiri daripada guru menggunakan buku teks semasa pengajaran kemahiran bahasa sepertimana yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Namun begitu, terdapat kurang daripada 30 peratus dari kalangan murid yang tidak bersetuju dengan ciri-ciri ilustrasi buku teks Bahasa Melayu seperti mempunyai grafik, saiz dan jenis tulisan serta gabungan warna ilustrasi. Perkara ini dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian jenis-jenis ilustrasi yang terdapat pada buku teks mempengaruhi penggunaannya dalam pengajaran sesuatu subjek. Justeru itu, dapatlah kita andaikan bahawa penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan murid amat diperlukan bagi keperluan dari semasa ke semasa untuk keberhasilan dalam proses PdP.

JURANG BUKU TEKS

Fakta yang Kurang Tepat

Laporan Harian Metro (2024) memaparkan kenyataan Azmi Ariffin yang menegaskan wujudnya ketidaktepatan fakta dalam buku teks Sejarah berkaitan Perjanjian Pangkor 1874. Beliau menyatakan bahawa maklumat tersebut belum diperbetulkan sehingga kini, sekaligus menimbulkan kekeliruan terhadap gambaran peristiwa sebenar. Menurut beliau, penulisan yang sedia ada cenderung menonjolkan kehebatan serta dominasi British dalam konteks penjajahan

di Tanah Melayu, berbanding menampilkan naratif yang lebih seimbang dan berasaskan bukti sejarah. Seterusnya, mengimbau kembali kes yang pernah berlaku pada 28 September 2016, satu laporan polis telah dibuat oleh Persatuan Murut Sabah terhadap penulis serta penerbit buku teks Sejarah Tingkatan 1. Hal ini disebabkan oleh isu fakta dan huraian yang tidak tepat serta kurang liputan Sejarah untuk negeri Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain. Misalnya, asal usul nama negeri Sarawak yang dikatakan berasal daripada Batang Sarawak atau Sungai Sarawak manakala asal usul nama negeri Sabah daripada pokok pisang Saba telah direkodkan di dalam buku teks Sejarah yang mana fakta berkenaan adalah salah. Justeru itu, nama Sarawak dan Sabah telah wujud sewaktu zaman pemerintahan Kesultanan Brunei sejak abad ke-14 (Bilcer Bala, 2016). Sebagaimana yang sedia maklum, sebagai warga pendidik, buku teks Sejarah merupakan rujukan utama yang perlu dijadikan panduan dalam melaksanakan proses PdP. Malah, buku teks Sejarah sewajarnya memaparkan fakta yang tepat sebagaimana peristiwa itu berlaku agar dapat dijadikan iktibar dan menyemai semangat patriotik. Namun, sekiranya buku teks Sejarah sering melakukan kesilapan dari segi fakta, bagaimana generasi muda dapat membezakan sama ada negara kita sebenarnya dijajah ataupun tidak jika semua fakta melebihi pihak British yang dipandang baik?

Terlalu Padat dengan Ayat

Kelemahan yang seterusnya adalah buku teks Sejarah terlalu padat dengan ayat dan perkataan. Walaupun Sejarah adalah tentang fakta sesuatu peristiwa yang merekodkan mengenai masa, tarikh, nama-nama penting dan kejadian, buku teks tidak semestinya penuh dengan perkataan yang berjela-jela. Isu seperti ini sama halnya dengan buku teks Sejarah di Indonesia yang padat dengan fakta sehingga dianggap sebagai alat persiapan untuk ujian semata-mata (Darmawan & Mulyana, 2016). Buktinya, kajian oleh (Lau Yi, Yi et al., 2013) merumuskan bahawa seramai 40 peratus pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan '*buku teks Sejarah adalah mudah difahami*'. Mengapa perkara ini boleh berlaku? Hal ini kerana penulis seperti membuat karangan pada setiap topik dalam buku teks Sejarah dengan hanya menceritakan semuanya yang semestinya kurang menarik perhatian murid dan akhirnya boleh mencetus kepada kekeliruan dan kemalasan. Seharusnya, buku teks Sejarah disajikan dengan kepelbagaian teknik penyampaian bagi menarik minat murid untuk terus kekal membaca dan mendalami sesuatu peristiwa. Misalnya, meletakkan grafik berwarna, dialog yang berbentuk kartun serta gambar-gambar tokoh, tempat dan sebagainya. Tambahan pula, golongan pembaca utama buku teks ialah golongan kanak-kanak atau murid seumur 10 tahun. Justeru, sekiranya buku teks terlalu padat dengan fakta dan penulisan semata-mata, sudah pasti murid akan semakin menjauhi buku teks kerana dianggap menyusahkan dan tidak menarik.

Penyesuaian Tajuk Besar (Pendekatan Bertema atau Kronologi)

Umum mengetahui bahawa antara salah satu tujuan dalam kurikulum Sejarah adalah untuk menyemai kefahaman murid terhadap subjek Sejarah agar murid menguasai pengetahuan serta kemahiran Sejarah. Lantas itu, buku teks Sejarah mempunyai isu dari aspek penyesuaian tajuk sama ada berpusatkan bertema atau kronologi. Menerusi pendekatan bertema, guru Sejarah

berpeluang untuk melaksanakan PdP dengan persekitaran yang menyeronokkan dalam mempelbagaikan aktiviti di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Manakala berbeza dengan pendekatan kronologi, merupakan salah satu elemen yang terkandung di dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang menggunakan model pemikiran Sejarah dengan mengetengahkan proses kontekstualisasi dan pengesahan bukti (Siti Kisni, 2021). Menerusi pendekatan kronologi ini, murid akan dipupuk untuk menguasai fakta Sejarah dengan bijak apabila murid berupaya untuk menganalisis masa, tahun, tarikh dan lokasi sesuatu kejadian pada masa lalu.

Oleh yang demikian, pemahaman kronologi akan membangunkan kesedaran Sejarah dengan menunjukkan kesepaduan antara mentafsir masa lalu dan memahami masa kini (Rusen, 2012). Namun kontradiksinya, buku teks Sejarah yang diguna pakai pada masa kini lebih kepada bertema daripada kronologi. Hal ini seterusnya menjadi isu kerana Sejarah diajar mengikut kronologi dan sepatutnya tajuk-tajuk dalam kandungan buku teks haruslah mengikut kronologi dahulu dan bukan dicerakinkan kepada tema-tema lain. Misalnya, untuk buku teks Sejarah tahun 4 dimulakan dengan tema Mari Belajar Sejarah, Zaman Air Batu, Zaman Prasejarah, Kerajaan Melayu Awal dan berakhir dengan Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka. Jika dilihat menerusi tajuk yang berlandaskan tema ini, susunan agak tidak teratur dan tidak saling berkait antara satu tema dengan tema yang lain. Hal ini akhirnya akan mendorong kepada kekeliruan untuk murid mudah faham kerana tema dan tajuk yang diajar adalah jauh tersasar dari pendekatan kronologi.

KEKUATAN BUKU TEKS

Pemupukan Nilai-Nilai Murni dan Patriotisme

Menurut Nurhijrah et al., (2021), penerapan nilai patriotisme di sekolah merupakan salah satu aspek penting dalam melahirkan generasi muda negara. Hal ini kerana mereka adalah tiang negara yang akan mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman luar. Hal ini sekaligus menampakkan kepentingan subjek Sejarah di ajar di sekolah-sekolah dan kekuatan buku teks Sejarah. Di dalam buku teks Sejarah, sudah terkandung tajuk-tajuk penting yang meliputi Sejarah negara yang bermula dari zaman tradisional sehinggalah negara kita mencapai era kemodenan pada masa kini. Tambahan pula, penulisan buku teks Sejarah juga turut menterjemahkan nilai-nilai patriotisme yang akhirnya akan membawa kepada semangat patriotik dalam diri murid dan juga guru. Menerusi pembelajaran buku teks Sejarah ini, murid akan mewujudkan persefahaman di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain kerana mereka sedia maklum Sejarah etnik dan bangsa yang terdapat di negara kita. Justeru itu, peristiwa berdarah seperti 13 Mei 1969 tidak berlaku lagi sehingga sekarang.

Kepelbagaian nilai murni dapat dibentuk berdasarkan kandungan buku teks Sejarah dalam melahirkan warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia. Melihat contoh kandungan buku teks Sejarah tahun lima yang bermula dengan institusi raja. Murid akan belajar secara umum mengenai sistem pemerintahan beraja yang wujud di negara kita dan akhirnya akan berupaya menilai kepentingan institusi raja sebagai warisan terpenting di negara kita. Titik fokus kandungan buku teks Sejarah tidak akan lari dari konsep asal dalam menerapkan

kecintaan murid terhadap tanah air. Justeru itu, buku teks Sejarah mempunyai kekuatan yang tersendiri yang sarat dengan sejarah-sejarah sama ada dari sudut sosial, ekonomi dan politik. Guru-guru Sejarah merupakan wadah utama dalam menterjemahkan isi kandungan buku teks Sejarah kepada murid di sekolah agar mereka boleh memahaminya dengan baik. Tegasnya, buku teks Sejarah yang sedia ada mampu meningkatkan pengetahuan Sejarah dan amalan nilai patriotisme murid (Sivakumar & Mohd Mahzan Awang, 2023).

Menyertakan Bahan-Bahan Pengajaran Lain seperti Ringkasan, Latihan dan Soalan Terancang

Dalam mempelajari subjek Sejarah, latihan secara berkala atau soalan terancang haruslah diberikan kepada murid untuk mengukuhkan kekuatan minda murid setelah guru selesai mengajar sesuatu. Malah, subjek Sejarah juga merupakan salah satu subjek yang wajib lulus untuk Sijil Pelajaran Malaysia (Nur Atiqah, Anuar Ahmad & Norasmah Othman, 2024). Jadi, latih tubi dalam subjek Sejarah adalah amat penting bagi mengukuhkan daya ingatan murid dan dapat meningkatkan pencapaian subjek ini. Oleh itu, antara kelebihan lain bagi buku teks Sejarah ialah terdapat bahan-bahan pengajaran lain seperti ringkasan, latihan dan soalan terancang bagi setiap topik yang terkandung. Guru-guru boleh membimbing kefahaman murid dengan berbincang bersama-sama mereka dalam menyelesaikan latihan dan tugas yang sudah sedia ada di buku teks berkenaan. Menariknya, terdapat nota ringkasan yang berbentuk warna-warni yang mampu menarik minat murid untuk membaca dengan baik.

Nota yang ringkas, mudah dan padat dapat membantu untuk menguatkan memori murid terutama sekali nota itu adalah berkaitan dengan fakta Sejarah. Buktinya, menerusi dapatan kajian oleh Sivakumar & Mohd Mahzan Awang (2023), responden berpendapat bahawa nota dari buku teks adalah sangat jelas dan mudah difahami di samping grafik yang digunakan serta persembahan informasi mudah untuk dibaca dan difahami. Ini turut disokong oleh Darmawan et al., (2016) bahawa kandungan buku teks Sejarah harus merangkumi pelbagai aktiviti seperti kertas projek bagi membolehkan murid untuk mempelajari Sejarah dengan lebih cekap. Melalui pembacaan menerusi bahan-bahan pengajaran tambahan yang wujud di buku teks Sejarah, murid akan lebih mengenali negara mereka sendiri dan menzahirkan perasaan bangga menjadi warganegara Malaysia.

Menyediakan Sumber Maklumat yang Seragam untuk Murid

Buku teks dijadikan panduan asas untuk murid dan guru di sekolah agar mereka dapat mengenal masa lalu negara dan seterusnya dapat melahirkan pemikiran mengenai kedudukan diri dan komuniti di sekitarnya (Mohd Adib Akmal, 2020). Lantas itu, buku teks Sejarah secara implisit telah berfungsi dengan menyediakan sumber maklumat yang seragam untuk semua murid yang bersekolah di sekolah rendah dan sekolah menengah. Keseragaman yang diguna pakai ini adalah sangat penting agar semua murid belajar tentang input yang sama di seluruh Malaysia. Oleh itu, kelebihan yang wujud pada buku teks ini tidak dapat dinafikan dalam membina kefahaman yang sama untuk semua murid. Selain itu, keseragaman yang terdapat pada buku

teks juga adalah selari dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang mengutamakan identiti kemelayuan (Mohd Adib & Zubaidah, 2019).

Walaupun buku teks Sejarah sememangnya mengalami beberapa kritikan yang serius, namun dari sudut positif, pengetahuan rasmi mengenai Sejarah dapat disebarkan secara menyeluruh melalui penggunaan buku teks Sejarah di bilik darjah. Dalam soal ini, buku teks akan terlihat menonjol kerana memainkan peranan yang luas dalam mempertimbangkan soal yang berkaitan dengan sejarah. Cerminan idea nasionalisme yang dipaparkan di dalam buku teks sejarah berfungsi sebagai instrumen pembinaan bangsa untuk generasi yang akan datang. Perbincangan yang terkandung di dalam buku teks sejarah juga merentasi kurikulum yang mengintegrasikan nila-nilai dan kemahiran yang penting untuk semua murid. Ringkasnya, hal ini membuktikan bahawa ketetapan mengenai penyelarasan buku teks sejarah ternyata penting agar semua murid menggunakan buku teks yang sama dan signifikan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Mengurangkan Maklumat-Maklumat yang Berulang

Buku teks sejarah merupakan salah satu karya historiografi yang dibuat khusus untuk kepentingan dalam pendidikan (Prihadi Dwi, 2021). Namun, kepelbagaian isu yang timbul menerusi isi kandungan buku teks Sejarah telah mencacatkan sedikit kredibiliti untuk terus mempelajarinya. Oleh itu, antara salah satu penyelesaian bagi mengekang isu berkenaan daripada berlaku secara berterusan adalah dengan mengurangkan maklumat-maklumat yang berulang. Menerusi Laporan Cadangan Penambahbaikan Buku Teks Sejarah Tingkatan 1-5, maklumat-maklumat yang berulang haruslah seperti dalam pada bab 2 (Tingkatan 2) iaitu tajuk Sistem Pemerintahan & Kegiatan Ekonomi, sebahagian maklumat telah dibincangkan dan diulangi dalam bab 4 yang mempunyai tema agak sama iaitu Sistem Pemerintahan Beraja, Kebijaksanaan Pemerintah dan Kegiatan Ekonomi. Seharusnya maklumat berkenaan cukup dihuraikan pada satu bab sahaja dan tidak perlu dihuraikan pada bab-bab berikutnya. Sekiranya maklumat-maklumat Sejarah dihimpunkan dengan kerap, murid akan mendapati bahawa isi yang hendak disampaikan oleh buku teks hanyalah sama sahaja dan tiada perbezaan yang ketara di antara satu fakta dengan fakta yang lain. Hal ini adalah kerana buku teks haruslah menjadi sumber yang mudah sewaktu proses PdP. Bagi menaikkan semangat murid untuk membaca Sejarah, penulis haruslah bijak dalam menyusun isi fakta yang ringkas tapi padat agar murid tidak mudah keliru dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada suatu ketika dahulu.

Memperbanyakkan Grafik dan Ilustrasi

Murid yang menggunakan buku teks Sejarah terdiri daripada murid yang berumur 10 tahun sehingga 17 tahun iaitu dari Tahun 4 sekolah rendah sehingga ke Tingkatan 5 sekolah menengah. Kebiasaannya, murid yang berumur seawal ini mempunyai tahap kecerdasan pelbagai seperti verbal linguistik, kinestetik, visual-ruang, muzik, logik matematik, interpersonal dan intrapersonal (Kho Ai Peng et al., 2020). Oleh itu, salah satu kecerdasan pelbagai yang boleh digunakan oleh penulis ketika hendak mewujudkan buku teks yang disukai

dan digemari oleh murid ialah dengan menggunakan visual-ruang. Visual-ruang bermaksud kebolehan dalam mencipta gambaran mental dan mengamati dunia visual yang membolehkan seseorang individu melihat sesuatu secara jauh dan mendalam (Siti Kausar & Mohd Noor Daud, 2021).

Dalam konteks ini, penulis misalnya boleh mempertimbangkan untuk membuat buku teks Sejarah dengan memperbanyakkan grafik serta ilustrasi kerana murid selalunya lebih dominan kepada perkara-perkara yang boleh dilihat berbanding perkara yang dibaca. Grafik yang berwarna-warni mampu menarik minat murid untuk membaca dan seterusnya berimajinasi sebagaimana peristiwa itu berlaku. Tambahan pula, ilustrasi seperti 2-Dimensi atau 3-Dimensi sudah pasti menguatkan lagi daya ingatan murid. Malah, realitinya subjek Sejarah sudah terkenal dengan isu 'bosan' yang bersandarkan buku teks. Justeru, bagi menangani masalah berkenaan, penulis haruslah bijak dalam mengolah buku teks agak tampak lebih menarik untuk dibaca. Penulis harus sedar bahawa buku teks Sejarah adalah bertujuan untuk membimbing murid memudahkan kefahaman dan bukanlah untuk membentuk mereka menjadi ahli akademik dengan himpunan ayat yang berjela panjang.

Membuat Tapisan Secara Berperingkat Sebelum Diterbitkan

Mengetengahkan isu berkaitan dengan buku teks Sejarah, tapisan haruslah dibuat secara berperingkat sebelum diterbitkan. Tapisan yang dimaksudkan di sini adalah dari aspek ejaan, fakta serta penerangan atau huraian. Hal ini kerana kita sering mendengar keluhan daripada pelbagai pihak terutamanya dari etnik-etnik yang terdapat di Malaysia yang menyurakan ketidakpuas hati terhadap sikap bias atau berat sebelah penulis yang hanya mencoretkan tentang kisah perjuangan tokoh daripada etnik-etnik tertentu sahaja. Seinggakan wujud pihak yang sanggup membuat saman di balai polis bagi menjaga dan memartabatkan warisan bangsa tersendiri. Perkara ini wajar dipertimbangkan dengan berulang kali sebelum penulis hendak menerbitkan buku teks Sejarah. Satu cadangan yang boleh digunakan iaitu golongan penulis ini duduk semeja dengan ketua-ketua etnik di Malaysia dan bersama-sama meneliti penggubalan buku teks untuk kali yang terakhir sehingga semua pihak menandakan puas hati dengan fakta yang dinyatakan. Semestinya fakta Sejarah merupakan satu perkara yang tidak boleh dipandang remeh kerana kesemua fakta ini akan tersemat di minda dan jiwa murid dan sekiranya terdapat kesalahan fakta, maka ia akan menjadi barah yang berleluasa sehingga ke generasi yang akan datang. Tegasnya, kandungan buku teks Sejarah haruslah tepat dan benar agar tidak menjadi buah mulut masyarakat dan seterusnya berupaya membasmi isu subjek Sejarah yang dikatakan membosankan serta kurang diminati oleh golongan murid di sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa buku teks Sejarah haruslah diteliti dengan sebaik mungkin bagi mencapai matlamat dan objektif pendidikan Sejarah di negara kita. Buku teks Sejarah sememangnya memainkan peranan yang penting sama ada untuk murid mahupun guru yang mengajar di bilik darjah. Kegunaan buku teks Sejarah khususnya untuk tujuan rujukan ataupun bagi menghadapi peperiksaan sangatlah penting. Semua pihak haruslah

bekerjasama untuk mencari jalan agar kualiti kandungan buku teks Sejarah tidak diendahkan. Lantas itu, kertas konsep ini membincangkan tentang kelemahan dan kekuatan buku teks Sejarah di samping menganalisis kepentingan buku teks dan akhirnya mencadangkan beberapa usul yang wajar dipertimbangkan oleh pihak-pihak tertentu dalam menghasilkan buku teks yang berkualiti tinggi. Buku teks Sejarah ini pada akhirnya akan mempengaruhi persepsi dan pemahaman murid terhadap sesuatu peristiwa Sejarah yang telah berlaku. Tuntasnya, penggubalan buku teks Sejarah haruslah diteliti dengan mendalam dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi kemaslahatan bersama..

RUJUKAN

- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha & Nik Mohd Rahimi. 2017. Kepentingan kebolehpercayaan buku teks dalam dunia pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ASER-J)*, 1(1): 25-40.
- Bilcer Bala. 2016. *Sabah dan Sarawak dalam buku teks Sejarah: liputan dan ketepatan*. Universiti Malaysia Sabah. Diakses di https://www.researchgate.net/publication/309486645_Sabah_dan_Sarawak_dalam_Buku_Teks_Sejarah_Liputan_dan_Ketepatan (28 April 2025).
- Buletin TV3. 2022. Spm 2021: 45,526 Calon Tidak Layak Dapat Sijil Kerana Gagal BM & Sejarah. Diakses di <https://www.buletintv3.my/nasional/spm-2021-45526-calon-tidak-layak-dapat-sijil-kerana-gagal-bm-sejarah/> (20 Mei 2025).
- Darmawan, W. & Mulyana, A. 2016. Antara sejarah dan pendidikan Sejarah: analisis terhadap buku teks pelajaran sejarah SMA berdasarkan kurikulum 2013. *Factum, Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, 5(2).
- Fernando, J. M. 2017. Penubuhan persekutuan Malaysia dalam buku teks Sejarah tingkatan lima. *Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5*.
- Handy, N. M. R. 2023. *Pendidikan Sejarah dan isu kebangsaan*. (Program Majister Pendidikan IPS Unlam Banjarmasin). Diakses di <http://eprints.ulm.ac.id/8584/1/14.%20Pendidikan%20Sejarah%20dan%20Isu%20Kebangsaan.pdf> (22 April 2025).
- Hmetro. 2024. Buku teks Sejarah masih kekalkan fakta kurang tepat. Diakses di <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/03/1067689/buku-teks-sejarah-masih-kekalkan-fakta-kurang-tepat-ahli-akademik> (3 Mei 2025).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran*. Diakses di <https://ipim.jmm.gov.my/sites/default/files/dockokurikulum/DSKP-KSSR-Sejarah-Tahun-4.pdf> (30 April 2025).
- Kho Ai Peng, Mohd Asri & Nor Azrin. 2020. Pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek pengajian perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. *Akademika 90(Isu Khas 3)*, hlm: 115-130.
- Lau Yi Yi, Abdul Razaq, Mohd Mahzan & Norasmah Othman. 2023. Kandungan buku teks Sejarah dan hubungannya dengan pengetahuan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2): 59-67.

- Mansor Mohd. Noor & Khairul Ghufuran. 2015. Keberkesanan mata Pelajaran Sejarah dalam membina Etos bangsa generasi muda di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo (Edisi Khas Konvokesyen ke-17 UMS)*, 29-46.
- Mohd Adib Akmal & Zubaidah Hamzah. 2019. Multikulturalisme dalam naratif sejarah nasional: menyingkap pengalaman Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 16(2):1-15.
- Mohd Adib Akmal. 2020. Buku teks sejarah sebagai historiografi rasmi: Analisis perbandingan Malaysia-Singapura. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (Dalam Talian)*. 24-25 November 2020. Diakses di <https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID196.pdf> (29 April 2025).
- Najwa Abdul Aziz, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. 2024. Kekerapan penggunaan buku teks dengan strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah dalam mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 9(1).
- Nur Atiqah, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. 2024. Keberkesanan kaedah hafalan fakta dan pembentangan murid tahfiz terhadap pencapaian subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(3).
- Nur Syahida, Siti Noranizahhafizah & Nooraziela. 2023. Analisis perbandingan mata pelajaran Sejarah di Malaysia dan Finland. *Jurnal Perspektif*, 15(Special Issue): 106-121.
- Nurhijrah Zakaria, Hamid Salleh, Mazuki Abd Razak, Mansor Abd Rahman, Anisah Harun & Hasnul Hadi. 2021. Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1-8.
- Prihadi Dwi. 2021. Historiografi buku teks Sejarah local pada pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pariwisata dan Budaya*, 2(1).
- Ratmelia, Y. 2018. Nilai moral dalam buku teks pelajaran Sejarah (analisis terhadap buku teks sejarah indonesia kelas x). *HISTORIA: Jurnal Pendidik Dan Peneliti Sejarah*, 1: 11-122.
- Rusen. 2012. Tradition: a principle of historical sense-generation and its logic and effect in historical culture. *Tradition and History*, 51(4):45-59.
- Siti Kausar & Mohd Noor Daud. 2021. Keluwesan teori kecerdasan. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*3(4):47-70.
- Siti Kisni. 2021. Memahami kronologi dalam pembelajaran sejarah menggunakan model pemikiran sejarah. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1 pp: 151-158).
- Sivakumar Ramachindran & Mohd Mahzan Awang. 2023. Penggunaan buku teks dan hubungannya dengan amalan nilai patriotism dari perspektif murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 761-770.
- Wartawan MalaysiaGazette. 2021, Kesal KPM masih guna buku teks Sejarah Tingkatan 4 - NGO. Diakses di https://malaysiagazette.com/2021/02/24/kesal-kpm-masih-guna-buku-teks-sejarah-tingkatan-4-ngo/?utm_source=chatgpt.com (7 Disember 2025).